

Pengedaran pita mesyuarat MT tidak patut berlaku

KUALA LUMPUR 30 Nov. — Pengedaran secara terbuka pita mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang memutuskan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 3 September lalu tidak sepatutnya berlaku kerana ia merupakan rahsia dalaman parti.

Ahli MT Senator Datuk Ibrahim Ali berkata, terdapat pihak-pihak tertentu yang menggunakan kesempatan daripada perbalahan dalam UMNO untuk mengaut keuntungan melalui penjualan pita itu.

“Ini merupakan perbuatan tidak bertanggungjawab yang cuba mengambil kesempatan daripada suasana keruh sekarang,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas mengenai pengedaran dan penjualan pita rakaman mesyuarat tertutup MT mengenai pemecatan Anwar secara meluas sekarang.

Pita itu juga boleh dibeli dengan harga RM8 di pasar-pasar malam.

Semalam Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk

mencatat dan merekod setiap butir dalam mesyuarat MT dilakukan oleh kakitangan parti.

Di SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata, meskipun kejadian itu tidak sepatutnya berlaku, namun mereka yang telah mendengar pita itu tentu maklum bahawa semua ahli dalam mesyuarat MT termasuk Anwar dibenarkan menyuarakan pendapat.

Katanya, keadaan itu menunjukkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad seorang pengamal demokrasi dan menolak tuduhan yang mendakwa Perdana Menteri adalah seorang yang bercirikan diktator.

“Saya tidak pernah mendengar pita itu tetapi kejadian itu tidak sepatutnya berlaku kerana ini adalah mesyuarat MT,” katanya.

Menteri Besar itu memberitahu, UMNO sentiasa mengamalkan konsep demokrasi baik kepada ahli mahupun semasa sidang mesyuarat MT kerana amalan demokrasi itu sudah sebatik dalam parti itu.

Tajol Rosli Ghazali berkata, kerajaan akan mengambil tindakan sekiranya ada laporan dibuat mengenai perkara tersebut.

Bagaimanapun katanya, perkara itu lebih tertakluk di bawah budi bicara Setiausaha Agung UMNO dan sebarang tindakan berkaitan undang-undang tertakluk kepada Jabatan Peguam Negara.

Ibrahim berkata, perkara itu perlu dirujuk dengan ibu pejabat UMNO kerana semua urusan